

Musa a.s dan Khidr

Pengajaran Dari Al-Kahf, 18:60-77

Muhammad Haniff Hassan

www.haniff.sg / ismhaniff@ntu.edu.sg

Masjid Darussalam, 24 Disember 2015

Pengenalan

Kisah Musa dan Khidr dalam surah Al-Kahf, 60-77

- dianjurkan baca surah Al-Kahf pada hari Jumaat
- faham, bukan hanya setakat membaca
- berdasarkan sumber yang betul i.e. kitab tafsir yang muktabar, hadis dan bimbingan guru
 - > tidak jatuh cerita-cerita Israiliyat dan dongeng

Pengenalan

Sebab turun ayat Al-Kahf, 60-77 (disebut dalam hadis sahih)

- Musa ditanya siapa insan paling berilmu
- Dia tunjuk kepada dirinya
- Allah tidak suka dengan jawapan dan mahu mendidiknya
- Musa diberitahu tentang seorang yang lebih berilmu darinya, disuruh untuk cari
- Musa pergi bersama seorang pengikutnya yang muda

Pengenalan

Sebab turun ayat Al-Kahf, 60-77 (disebut dalam hadis sahih)

- Bertemu Khidr, mohon untuk bersamanya untuk belajar
- Khidr keberatan, Musa merayu
- Khidr beri syarat – tidak boleh persoalkan perbuatannya, hingga dia bagi penjelasan – dan Musa terima
- 3 perbuatan Khidr
 - a) merosakkan kapal orang miskin
 - b) bunuh seorang anak muda
 - c) membaiki tembok setelah orang kampung tidak mahu terima mereka
- Hadis berhenti di sini, tiada penjelasan erti perbuatan
- ayat Al-Quran turun untuk beri penjelasan

* Lihat *Sahih Al-Bukhari*, kitab Ilmu.

Pengajaran Umum

1. Al-Quran mengiktiraf pembelajaran/pengajaran melalui pengalaman (*experiential learning/teaching*)
 - andragogy = kaedah yang baik bagi pelajar dewasa = Musa adalah seorang pelajar dewasa
2. Tinggi mana pun pencapaian kita, jangan sama sekali rasa terbaik (12:75)
 - Nabi s.a.w pun tidak mahu mendakwa dirinya Nabi terbaik
 - tiada makhluk yang mempunyai monopoli ilmu / kebenaran
3. Cerita sebagai satu cara dakwah / mengajar
4. Pembelajaran berterusan / sepanjang hayat (continuous / life long learning), pengajaran dari Musa

5. Belajar melalui analisa yang mendalam

- kemahiran menganalisa
- ilmu / maklumat / data
- jangan cepat menghukum, buat kesimpulan
- sabar

6. Ilmu mesti disertai dengan sifat tawaduk

- bukan hanya ada IQ, tapi Q-Q yang lain juga
- “hati mahu baik, beb”

7. Ilmu perlu dikongsi

- perlu pada kemahiran yang baik untuk kongsi ilmu seperti Khidr
- jangan hanya jadi ulat buku, jadi juga “guru” yang baik pada kapasiti tertentu
- tidak boleh ajar semua orang, tapi mesti boleh ajar orang tertentu (kenali segmen yang sesuai) = pengajaran bagi kepemimpinan juga

8. Harus menanggung salah satu mudarat yang lebih ringan
9. Ilmu bukan hanya datang dari kedudukan yang tinggi sahaja
 - kadangkala belajar dengan “alim yang kecil” lebih baik (kembali pada objektif dan tujuan), jangan syiok dengan kehebatan seorang alim sahaja

Pengajaran Dari Ayat

- 18:60, “..pertemuan dua buah lautan..”
 - tidak jelas tempat sebenarnya, tapi satu realiti
 - lihat gambar di bawah dan video di <http://www.youtube.com/watch?v=1UmWx9PcBcA>



- 18:62, keperluan pada bekalan apabila bermusafir, bukan hanya tawakal sahaja
 - menjelaskan konsep tawakal juga
- Lupa boleh disebabkan oleh syaitan (tidak mesti) (18:63)
 - perlu pada penjelasan saintifik, bukan hanya beriman dari ayat sahaja
 - lupa juga adalah sifat manusia (39:8)
 - > Al-Quran sebut supaya kita kaji dan fikir untuk faham, atasi dan urus
- Allah kurnia Khidr dengan rahmat dahulu sebelum ilmu (18:65)
 - Kenapa? Apa signifikannya? Renungkan 1:1
 - Apa akan jadi pada ilmu tanpa rahmat/kasih sayang?
 - Nota, rahmat adalah nilai (domain afektif); ilmu ialah intelek (domain kognitif)
 - > fikirkan – apa jadi apabila sistem pendidikan yang lebih utamakan kognitif dari nilai-nilai penting

- 18:65, dasar bagi “ilmu laduni”, “ilmu mawhibah” (ilmu kurniaan langsung dari Allah, 2:282). Bagaimana?
 - intuisi / ilham
 - inspirasi
 - mimpi
 - dll
- Harus berlaku dan sah, tapi penggunaannya terhadap
- Kitab *Noktah Hitam: Ajaran Sesat Di Singapura* (MUIS, 2001), p. 8

“.....Ada di antara umat kita yang memperoleh ilham daripada Allah dan *ru'ya salihah* (mimpi yang baik). Ini benar dan termasuk salah satu bahagian daripada kenabian. Firasat yang baik adalah benar. Ini semua adalah karamah (kemuliaan daripada Allah dan satu petanda baik) dengan syarat tidak bertentangan dengan syari'at dan tidak pula menjadi sumber aqidah mahupun hukum.

Rasulullah s.a.w bersabda, Tidak ada lagi kenabian kecuali *mubasysyirat*. Ditanyakan 'Apakah *mubasysyirat* itu, wahai Rasulullah? Beliau bersabda 'Mimpi yang benar, iaitu apa yang dilihat oleh seorang mukmin (dalam mimpi), atau apa yang diperlihatkan kepadanya.'" (Riwayat Al-Bukhari)"

- Lihat buku Yusuf Al-Qaradawi, *Mauqif Al-Islam Min Al-Ilham Wa Al-Kasy Wa Al-Ru'ya Wa Min Al-Tamaim Wa Al-Kahanah Wa Al-Ruqa*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1994.

•Buku *Kesederhanaan Dalam Islam: Dalam Konteks Masyarakat Muslim Singapura*, (Pergas, 2004), p. 373


"Menerima bahawa ilham dan kasyf berlaku sebagai kurnia kepada hamba-hamba yang soleh tetapi ia tidak boleh menjadi dalil hukum syara'. Ia hanya boleh dijadikan panduan jika tidak bertentangan dengan syara'."

- Sebahagian ulama membenarkan kasyaf sebagai bukti dalam undang-undang berdasarkan kisah Khidr
 - majoriti ulama tidak mentafsirkan perbuatan Khidr sebagai kasyaf
 - Musa tidak tahu sebab perbuatan atau bukti bukan bermakna tiada bukti (*absence of evidence is not evidence of absence*)
 - mentafsirkan pembunuhan budak kerana dia adalah perompak padang pasir yang telah membunuh ramai orang lain = dibunuh kerana jenayahnya (dan untuk mengelak aib bagi ibu bapa)
 - tidak ada ulama silam dan kini yang membenarkan pembunuhan seseorang kerana untuk elak kejahatan di masa depan
 - perbuatan Khidr jatuh dalam “syariat umat dahulu” = apa jua syariat umat dahulu yang bercanggah dengan syariat Nabi Muhammad s.a.w , dianggap batal
- Dalam konteks ini, ia berlaku atas perintah Tuhan untuk tujuan yang khusus i.e. pengajaran bagi Musa

- Ilmu bukan hanya kognitif sahaja, pengalaman juga
 - ilmu dari pengalaman tidak mengikat ramai, tapi bukan bermakna tidak betul / tertolak
- Contoh
 - A mimpi pergi Paris
 - Walau tidak boleh *direplicate*, pengalaman mimpinya benar
 - Bila cerita kepada B, B tidak wajib percaya
 - B tidak percaya, tidak jadikan pengalaman mimpi A tidak benar
- Boleh diaplikasi pada isu mimpi Nabi s.a.w
 - ulama akui mimpi Nabi s.a.w boleh berlaku, persoalannya samada yang mimpi Nabi s.a.w (A) mahu percaya atau tidak
 - > hukumnya tidak wajib percaya kerana mungkin tipu daya syaitan
 - kalau A percaya, kemudian cerita kepada B = B tidak wajib percaya, tapi tidak perlu pula tolak kerana apa yang dia tidak alami bukan bermakna tidak betul; tidak boleh paksa percaya

- Contohi Khidr – tidak heboh, walau diberi ilmu laduni dan pengalaman eksklusif oleh Tuhan hingga Musa tidak tahu
- Contohi Musa – diberi peluang belajar dengan guru yang kasyaf, tapi tidak heboh pada orang lain
 - Nabi s.a.w tahu kisah ini dari Tuhan, bukan dari Musa
 - jangan jadi ibarat “lebih sudu dari kuah”
- Mimpi Nabi s.a.w adalah nikmat, wajarkah diberitahu nikmat kepada orang lain?
 - harus memberi tahu nikmat Allah pada orang lain (93:11), tapi tidak wajib
 - biar bertempat = sesuai dengan keadaan dan orang
 - Islam juga suruh ambil perkiraan-perkiraan lain i.e. elakkan fitnah, jaga hati dll = ini juga adab yang diajarkan ulama

- Dalil di sisi sebahagian ulama bahawa Khidr adalah Nabi
- Ilmu berbeza dengan “rusyd” (18:66, lihat juga 2:256, 72:21)
 - “rusyd” ialah ilmu + kematangan++
 - berilmu bukan bermakna ada “rusyd”
 - ilmu ialah maklumat + faham
 - “rusyd” = aplikasi ilmu = kebijaksanaan
 - jangan hanya cari ilmu, cari juga “rusyd” = sifat para anbiya’ (21:51)
- Kejahilan menjejaskan kesabaran (18:67-8)
- Anjuran sebut “In Sha’ Allah” (18:69)



- Syarat tidak boleh bertanya = adakah Islam anjurkan pembelajaran tidak kritikal?
 - sama sekali tidak, Islam agama yang amat anjurkan minda yang kritikal
 - ia bukan satu-satunya cara pembelajaran dalam Al-Quran = tidak boleh dijadikan kaedah utama pembelajaran
 - lebih sesuai sebagai pengecualian i.e. untuk tujuan khusus, bukan kaedah utama atau umum = konteksnya ialah pengajaran buat Musa
 - > Musa adalah seorang yang sangat berilmu, bukan orang biasa, hingga ada perasaan tinggi diri
 - gunakan kisah ini sebagai hujah bagi hubungan murid dengan guru ibarat mayat dengan tukang mandi bagi orang-orang awam tidak sesuai
 - > lihat buku *Wahai Anak!*, oleh imam Al-Ghazali
 - > nota, kembara imam Al-Ghazali ke alam sufi setelah dia mencapai tahap intelektual yang tinggi i.e. a profesor; bukunya pun dituju untuk muridnya yang berilmu, bukan orang awam

- Letak syarat untuk tujuan pembelajaran dibenarkan (18:71)
 - wajib akur bila setuju
- Perbuatan Khidr 1 – rosakkan kapal orang miskin (18:70)
 - kegagalan pertama Musa (18:71), diberi peluang kedua (18:72-3)
 - dari sudut positif, komitmen Musa pada keadilan = tidak terima kezaliman di depan mata (sifat yang perlu ada pada Muslim)
 - merosakkan harta awam dan orang lain adalah terlarang
- Perbuatan Khidr 2 – bunuh seorang anak muda (18:74)
 - kegagalan kedua Musa, apabila tidak boleh terima (18:74), diberi peluang ketiga (18:76)
 - membunuh yang tidak bersalah adalah haram
- Perbuatan Khidr 3 – membaiki tembok (18:77)
 - kegagalan ketiga Musa
 - meminta upah bagi kerja dibenarkan agama

- Bagi peluang kepada mereka yang bersalah
 - pilihan sebanyak 3x
 - Tuhan bagi peluang kepada hambanya ratusan kali
- Kejahilan sebab beri kemaafan (18:72)
 - hanya satu pilihan, bergantung pada konteks

Terima Kasih